

30/08/1997

1,905 perwakilan Perhimpunan Agung Umno

KUALA LUMPUR, Jumaat - Seramai 1,905 perwakilan dari seluruh negara termasuk 43 ahli Majlis Tertingginya, akan menghadiri Perhimpunan Agung Umno, pada 5 hingga 7 September ini.

Jumlah itu agak tinggi berbanding perhimpunan tahun lalu kira-kira 1,500 perwakilan. Kali ini, 1,800 orang adalah perwakilan dari 165 bahagian dan 30 perwakilan masing-masing daripada Pergerakan Pemuda dan Wanita.

Perak mencatat jumlah terbesar perwakilan iaitu 247 orang, diikuti Johor dan Sabah (220), Selangor (187), Kedah (164), Kelantan (154), Pulau Pinang dan Pahang (121), Wilayah Persekutuan (113), Terengganu (88), Negeri Sembilan (77), Melaka (55) dan Perlis (33).

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata jumlah keseluruhan yang akan hadir pada hari pertama termasuk wakil setiap parti komponen Barisan Nasional (BN), tetamu jemputan dan veteran Umno ialah 2,600 orang.

"Semua persiapan untuk perhimpunan itu sudah siap termasuk mesyuarat Pemuda yang akan dibuat sehari sebelum perhimpunan berkenaan," katanya pada sidang akhbar di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang ini.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi taklimat awal kepada semua ahli MT, Exco Pemuda dan Wanita serta semua ketua bahagian pada jam 3.30 petang, 3 September di PWTC.

Tiga usul akan dibentangkan sepanjang perhimpunan selama tiga hari berkenaan iaitu ucapan dasar Presiden yang akan dibawa oleh Pemuda, usul Agama di bawa oleh Pulau Pinang dan Ekonomi oleh Sabah.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim pula akan merasmikan Perhimpunan Agung bagi Pemuda dan Wanita secara serentak pada jam 8 pagi di Dewan Merdeka, PWTC.

Perwakilan Pemuda kemudian akan bermesyuarat di Dewan Tun Dr Ismail manakala Wanita akan bermesyuarat di Dewan Tun Hussein Onn.

Sabbaruddin berkata, Perhimpunan Agung Khas akan dijalankan pada 5 September yang antara lain untuk menggugurkan perkataan 'Baru' supaya parti itu hanya dikenali sebagai Umno.

Sementara itu, Sabbaruddin berkata wartawan dan jurugambar yang bertugas ketika perhimpunan itu tidak dibenarkan melintasi atau membelakangi pentas ahli MT, tempat duduk tetamu khas serta perwakilan Umno.

(END)